



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



# KAJIAN IMPAK EKONOMI SETEMPAT PENGANJURAN JELI STATS NATURE HALF MARATHON





## ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
1. Latar Belakang Jeli <i>Stats Nature Half Marathon</i>	1
2. Destinasi Tumpuan	2
3. Pengenalan	5
4. Penemuan	
a. Profil Responden	6
b. Tahap Kepuasan Penganjuran Acara	8
5. Analisis Impak Penganjuran <i>Stats Nature Half Marathon</i> kepada Ekonomi Setempat	9
6. Statistik Setempat	15
7. Soal Selidik Kajian	20

## PENAFIAN/DISCLAIMER

Analisis yang dipaparkan adalah berdasarkan kepada individu yang menyertai survei ini dan tidak mewakili pandangan seluruh peserta larian ini. Ia harus ditafsir secara berhati-hati dan ia bukanlah statistik rasmi. Namun, ia boleh digunakan untuk menyokong dalam memberi gambaran tentang impak penganjuran *Stats Nature Half Marathon*. DOSM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang isu yang berkaitan dengan penggunaan bahan yang ada di dalam laporan ini.




Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

## 1. LATAR BELAKANG JELI STATS NATURE HALF MARATHON

Program **Jeli Stats Nature Half Marathon 2022** merupakan acara julung kali dianjurkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan (DOSM Kelantan) dengan kerjasama Majlis Daerah Jeli, Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli, Persatuan Olahraga Amatur Kelantan, Majlis Sukan Negeri Kelantan dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan. Penganjuran acara ini diadakan pada 27 Ogos 2022 (Sabtu) bagi mempromosikan **sambutan Hari Statistik Negara (HSN)** yang akan diadakan pada 20 Oktober 2022.

**Carta 1: Peserta mengikut Lokasi**



Penyertaan program ini disertai seramai 1,588 orang daripada individu, agensi kerajaan & swasta, Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan pelajar sekolah.

## INFO PACK HALF MARATHON



## 2. DESTINASI TUMPUAN

**Lata Keding, Bukit Kudung**, tidak begitu dikenali ramai, namun ia menyimpan seribu khazanah, flora dan fauna. Lokasi lata ini terletak kira-kira 4 kilometer dari jalan utama Gemang dan laluan masuk utama ke Lata Keding adalah berhadapan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kampus Jeli.



Pengunjung boleh memilih untuk menaiki kenderaan atau berjalan kaki untuk masuk ke kawasan ini. Bukit Kudung menyimpan pelbagai rahsia sejarah yang tidak diketahui ramai seperti memiliki kubu persembunyian komunis suatu ketika dahulu. Di sebalik keindahan Bukit Kudung yang setinggi 448 meter itu juga terdapat batu sempadan yang dikenali sebagai Batu 73 yang bersempadan dengan negara Thailand sejauh 2.3 kilometer.



Bagi anda yang ingin lari dari kesibukan bandar dan tekanan kerja, lokasi Lata Keding adalah tempat yang sesuai untuk dijadikan lokasi percutian. Dengan memiliki air terjun yang sejuk dan jernih serta kawasan hutan semulajadi yang indah, anda boleh mengadakan aktiviti perkelahan, perkhemahan dan mandi-manda bersama keluarga.

Sumber oleh <https://kekandamemey.com/bukit-kudung-jeli.html>

**Gunung Reng** juga merupakan salah satu destinasi tarikan pengunjung yang terletak berhampiran Lebuh Raya Timur-Barat antara Jeli, Kelantan dan Gerik, Perak dimana berjarak sekitar 20 minit dari UMK Kampus Jeli. Bersebelahan dengan Gunung Reng, terdapat sebuah sungai iaitu Sungai Pergau yang turut menjadi tarikan pelancong untuk datang ke sini.



Pengunjung dari dalam dan juga luar Kelantan yang meminati aktiviti pendakian boleh berkunjung ke Gunung Reng. Gunung Reng juga memiliki keindahan alam dan air sungai yang jernih dan bersih. Terdapat pelbagai fasiliti yang selesa disediakan oleh pihak berkuasa tempatan di kawasan tersebut untuk para pengunjung, antaranya adalah kedai makan, tandas awam, taman permainan kanak-kanak, dewan serbaguna, wakaf dan masjid.

Sumber oleh <http://batumelintang.pjk.com.my/index.php/warga-pi1m/maklumat-pi1m/sejarah/47-sejarah>



**Air Terjun Lata Janggut** terletak di Kampung Lata Janggut, Jeli, Kelantan iaitu kira-kira 13 kilometer dari bandar Jeli. Nama Lata Janggut wujud sebelum tahun 1960-an. Lata Janggut menjadi tempat penduduk setempat untuk menangkap ikan seperti kelah, baung dan sebagainya. Air Terjun Lata Janggut mempunyai tiga tingkat tempat mandi yang selamat. Di antara kemudahan yang boleh didapati di Air Terjun Lata Janggut adalah wakaf rehat, surau, tempat perkhemahan, laluan hutan dan tempat letak kenderaan. Pengunjung pastinya seronok mengunjungi Lata Janggut apabila dapat menikmati suasana alam semula jadi dan sungai yang mengalir air bersih yang sesuai untuk mandi-manda.

Sumber oleh <http://impianwaliman.blogspot.com/>



**Pekan Bukit Bunga** merupakan destinasi membeli-belah yang terletak berhampiran laluan Lebuh Raya Utara Timur Barat iaitu jalan yang menghubungkan Kelantan dan Perak termasuk beberapa negeri di utara. Selain itu, Bukit Bunga menghubungkan dua negara iaitu Malaysia dan Thailand melalui Jambatan Bunga-Ban Buketa Bridge sejak tahun 2007.



Semenjak pembukaan laluan Malaysia-Thailand tersebut, Bukit Bunga telah diisytiharkan oleh kerajaan sebagai zon bebas cukai. Lazimnya, zon bebas cukai di Kelantan menawarkan barang dari Thailand seperti beras, makanan ringan, perkakasan rumah, alatan dapur dan pelbagai jenis pakaian. Penjual menawarkan harga yang lebih murah berbanding tempat lain. Harga barang yang murah dan berpatutan tersebut menjadi daya tarikan kepada pelanggan untuk singgah ke Bukit Bunga untuk membeli-belah. Waktu operasi bermula jam 9 pagi sehingga jam 7 malam.

Kerajaan telah membina kompleks kedai yang baharu dan lebih selesa kepada penjual dan pelbagai kemudahan kepada pengunjung, seperti bank, hotel, stesen minyak dan banyak lagi. Perubahan ini merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan bagi meletakkan Bukit Bunga sebagai pusat membeli-belah dan daya tarikan kepada sektor pelancongan di daerah Jeli.

Sumber oleh <http://kekandamemey.com/pekan-bukit-bunga-zon-bebas-cukai>

### 3. PENGENALAN

#### PENGENALAN

Jabatan Perangkaan Malaysia telah melaksanakan *quick survey* berkaitan **Impak Penganjuran Jeli Stats Nature Half Marathon** kepada Ekonomi Setempat yang diadakan pada 27 Ogos 2022.

#### OBJEKTIF SURVEI

- i. Menyediakan statistik sosial demografi dan perbelanjaan pelawat yang menghadiri Jeli Stats Nature Half Marathon.
- ii. Mengukur impak penganjuran Jeli Stats Nature Half Marathon kepada ekonomi setempat.

#### PENSAMPELAN

- i. Populasi sasaran bagi survei ini adalah **individu** yang menyertai Jeli Stats Nature Half Marathon atau hadir bersama.
- ii. Survei ini menggunakan **convenience sampling** iaitu salah satu kaedah dalam **Non-Probability Sampling**.
- iii. Bilangan responden adalah seramai **446 individu**.

## 4. PENEMUAN

### a. Profil Responden

Paparan 1: Responden mengikut Jantina



Lelaki




Perempuan

**58.2%**

**41.8%**


Responden yang menjawab soal selidik kajian impak penganjuran Jeli Stats Nature Half Marathon adalah terdiri daripada individu iaitu 58.2 peratus adalah lelaki manakala 41.8 peratus adalah perempuan.

Carta 2: Responden mengikut Kumpulan Umur




Dari segi profil responden mengikut kumpulan umur, responden berumur 35-44 tahun merupakan kumpulan yang tertinggi dengan mencatatkan 37.3 peratus. Ini diikuti oleh kumpulan umur 25-34 tahun (31.2%) dan kumpulan umur 45-54 tahun (18.1%). Manakala kumpulan umur 15 tahun ke bawah merupakan kumpulan yang terendah dengan mencatatkan 1.1 peratus (**Carta 2**).

### Paparan 2: Peratusan Responden mengikut Negeri




Responden yang paling ramai menghadiri program ini adalah dari negeri Kelantan, 49.1 peratus. Ini diikuti oleh Terengganu (10.3%), Selangor dan Johor masing-masing merekodkan 5.8 peratus. Selebihnya adalah daripada negeri-negeri lain sebanyak 34.8 peratus (**Paparan 2**).

### Carta 3: Peratusan Responden mengikut Jenis Pengangkutan



Majoriti responden yang hadir ke program ini menaiki kereta, 89.0 peratus. Ini diikuti dengan menaiki kapal terbang (6.3%), bas (2.9%) dan motosikal hanya 1.8 peratus.

### Carta 4: Peratusan Responden mengikut Bilangan Malam Menginap



Dari segi penginapan, 71.3 peratus responden menginap di hotel/homestay di Kelantan. Daripada peratusan tersebut sebanyak 41.5 peratus responden menginap selama dua malam, 26.2 peratus menginap satu malam dan diikuti 3.6 peratus adalah tiga malam bagi menghadiri program ini.

**b. Tahap Kepuasan Penganjuran Acara****a. Adakah anda berpuas hati dengan penganjuran acara ini?****92.6%**

Ya

**7.4%**

Tidak

**b. Adakah penganjuran acara ini memberi impak kepada ekonomi setempat?****96.4%**

Ya

**3.6%**

Tidak

**c. Adakah acara ini perlu diteruskan pada masa akan datang?****99.5%**

Ya

**0.5%**

Tidak

Berdasarkan kajian tahap kepuasan penganjuran Jeli Stats Nature Half Marathon, majoriti responden berpuas hati dengan penganjuran ini dengan mencapai peratusan sebanyak 92.6 peratus manakala 7.4 peratus tidak berpuas hati. Dari segi impak kepada ekonomi, 96.4 peratus responden berpandangan penganjuran acara ini memberi impak positif kepada ekonomi setempat. Secara keseluruhan, 99.5 peratus responden menyatakan acara ini perlu diteruskan pada masa akan datang.

## 5. ANALISIS IMPAK PENGANJURAN JELI STATS NATURE HALF MARATHON

### Pengenalan

Penganjuran acara khas dianggap penting kepada ekonomi tempatan kerana ia menarik pengunjung acara ke destinasi tersebut, dan seterusnya mendorong perbelanjaan domestik dalam komuniti setempat. Selain itu, penganjuran acara turut menggalakkan aktiviti ekonomi tempatan dengan sektor ekonomi tempatan yang lain. Ciri-ciri acara berdasarkan komuniti ini boleh meningkatkan aktiviti ekonomi tempatan melalui perbelanjaan pengunjung terutamanya aktiviti berkaitan pelancongan domestik. Acara khas dapat menjadi daya tarikan kepada pelawat dari luar dan termasuk penduduk tempatan dalam tempoh masa yang terhad. Acara ini dijangkakan akan menarik kedatangan pelawat dari luar Jeli dan secara langsung meningkatkan lagi ekonomi setempat.

Dalam hal ini, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji kesan perbelanjaan pelawat yang menghadiri Jeli *Stats Nature Run Half Marathon* terhadap ekonomi tempatan. Hasil kajian ini diharap dapat membantu daerah dan komuniti lain untuk memahami dengan lebih baik potensi kesan ekonomi untuk menganjurkan acara berskala lebih kecil.

### Metodologi

Soal selidik telah dibangunkan bagi mendapatkan perbelanjaan peserta/pelawat semasa acara Jeli *Stats Nature Run Half Marathon*. Bagi mengira impak kepada ekonomi, analisis Input-Output (I-O) digunakan. Model I-O berupaya menganggarkan nilai output dan nilai ditambah yang di jana berikutan peningkatan permintaan akhir yang disumbangkan oleh acara larian ini.

Nilai output dan nilai ditambah diperoleh daripada pengganda yang mengukur perubahan kepada elemen pengeluaran hasil daripada peningkatan kepada permintaan akhir. Pengganda output (*Leontief Inverse*) daerah Jeli dikira menggunakan struktur industri yang beroperasi berdasarkan rangka *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR) bagi aktiviti ekonomi di daerah Jeli dan menggunakan nisbah input kepada output bagi aktiviti ekonomi negeri Kelantan.

Kesan pengganda terbahagi kepada dua iaitu kesan langsung dan tidak langsung. Kesan langsung berlaku apabila terdapat peningkatan dalam output aktiviti tersebut, kerana pengeluar bertindak balas untuk memenuhi permintaan yang meningkat.

Manakala kesan tidak langsung berlaku apabila pegeluar sektor tersebut bertindak untuk meningkatkan pengeluaran mereka. Dengan itu, berlaku kesan limpahan dan peningkatan terhadap permintaan input yang digunakan dalam menghasilkan perkhidmatan/ pengeluaran aktiviti tersebut.

Impak ekonomi langsung dihasilkan apabila pelawat meningkatkan permintaan untuk barang dan perkhidmatan di kedai runcit, kedai makan/restoran, rekreasi dan hotel/motel di mana pelancong boleh membeli-belah, menjamu selera, melakukan aktiviti rekreasi dan menginap.

## Perbelanjaan

Perbelanjaan peserta/pelawat dikategorikan mengikut aktiviti berikut: Perdagangan borong & runcit (minyak petrol, keperluan diri, cenderahati dan membeli belah); Penginapan; Makanan dan minuman (restoran, kedai makan & gerai tepi jalan); Pengangkutan (bas, taxi atau *e-hailing*), Kesenian, hiburan dan rekreasi (tempat pelancongan seperti air terjun) dan Perkhidmatan lain.

Jumlah perbelanjaan direkodkan semasa acara ini berlangsung sebanyak RM580.6 ribu. Perbelanjaan tertinggi adalah aktiviti Perdagangan borong & runcit sebanyak RM179.4 ribu atau 30.9 peratus, diikuti oleh aktiviti Penginapan RM131.8 ribu (22.7%) dan aktiviti Pengangkutan RM97.2 ribu (16.7%). Berdasarkan survei ini purata perbelanjaan keseluruhan seorang pelawat sebanyak RM365.64.

### Paparan 3: Perbelanjaan Peserta Tempatan dan Negeri Lain



Perbelanjaan Pelawat Luar Negeri

**RM216,202**

#### Perbelanjaan pelawat tempatan

Pelawat tempatan atau domestik terdiri daripada penduduk Jeli dan daerah lain di Kelantan. Berdasarkan dapatan survei, perbelanjaan pelawat dari Jeli bernilai RM143.5 ribu manakala pelawat tempatan lain berbelanja sebanyak RM221.0 ribu. Keseluruhan perbelanjaan oleh pelawat domestik adalah sebanyak RM364.4 ribu. Perbelanjaan tertinggi direkodkan oleh aktiviti Penginapan (28.4%), diikuti oleh aktiviti Perdagangan borong & runcit (27.4%) dan aktiviti Kesenian, hiburan dan rekreasi (21.8%).

#### Perbelanjaan peserta larian dari negeri lain

Manakala, perbelanjaan peserta/ pelawat dari negeri lain (*inbound*) direkodkan dengan nilai RM216.2 ribu yang disokong oleh aktiviti Perdagangan borong & runcit bernilai RM60.7 ribu (28.1%), diikuti oleh aktiviti Penginapan sebanyak RM51.5 ribu (23.8%) dan aktiviti Makanan dan minuman RM50.6 ribu (23.4%).

#### Paparan 4: Impak Acara Jeli Stats Nature Half Marathon kepada Output dan Nilai Ditambah

##### Peningkatan **RM580.6 ribu**

dalam permintaan akhir sektor:

	Perdagangan Borong & Runcit	<b>RM179.4 ribu</b> (30.9%)
	Penginapan	<b>RM131.8 ribu</b> (22.7%)
	Pengangkutan	<b>RM97.2 ribu</b> (16.7%)
	Kesenian, Hiburan & Rekreasi	<b>RM88.9 ribu</b> (15.3%)
	Makanan & Minuman	<b>RM74.2 ribu</b> (12.8%)
	Perkhidmatan Lain	<b>RM9.2 ribu</b> (1.6%)

Menjana Output sebanyak  
**RM910.4 ribu**

Menjana Nilai Ditambah sebanyak  
**RM501.6 ribu**

#### Impak kepada Nilai Output

Penganjuran acara Jeli Stats Nature Run Half Marathon ini memberikan impak kepada ekonomi tempatan. Perbelanjaan pelawat semasa acara ini yang bernilai RM580.6 ribu dijangka dapat menjana nilai output sebanyak RM910.4 ribu kepada jumlah ekonomi daerah Jeli. Berdasarkan nilai tersebut, kesan langsung (*direct effect*) daripada perbelanjaan adalah sebanyak RM606.0 ribu manakala kesan tidak langsung (*indirect effect*) kepada aktiviti lain bernilai RM304.4 ribu.

Jadual 1: Impak Acara Jeli Stats Nature Half Marathon kepada Output dan Nilai Ditambah

Aktiviti	Impak yang dijana (RM '000)					
	Output			Nilai Ditambah		
	Jumlah	Kesan Langsung	Kesan tidak Langsung	Jumlah	Kesan Langsung	Kesan tidak Langsung
1. Perdagangan Borong & Runcit	<b>193.9</b>	182.8	11.1	<b>157.9</b>	154.0	3.9
2. Penginapan	<b>237.5</b>	137.5	100.0	<b>115.9</b>	68.6	47.4
3. Makanan dan Minuman	<b>135.7</b>	82.4	53.3	<b>63.0</b>	31.5	31.4
4. Pengangkutan	<b>199.4</b>	100.2	99.2	<b>83.9</b>	25.7	58.2
5. Kesenian, Hiburan dan Rekreasi	<b>127.5</b>	89.9	37.6	<b>72.9</b>	53.7	19.1
6. Perkhidmatan Lain	<b>16.2</b>	13.2	3.0	<b>8.1</b>	6.6	1.5
Jumlah	<b>910.4</b>	<b>606.0</b>	<b>304.4</b>	<b>501.6</b>	<b>340.1</b>	<b>161.5</b>

Aktiviti Penginapan menjana output tertinggi sebanyak RM237.5 ribu dengan kesan langsung kepada aktiviti Penginapan dianggarkan bernilai RM137.5 ribu. Berikutan peningkatan dalam permintaan aktiviti ini, telah memberi limpahan dan kesan tidak langsung kepada aktiviti berkaitan seperti aktiviti Elektrik & gas, Perdagangan borong & runcit dan Telekomunikasi yang bernilai RM100.0 ribu.

Sementara itu, aktiviti Pengangkutan merupakan penjana output kedua tertinggi dengan nilai RM199.4 ribu dengan kesan langsung kepada aktiviti Pengangkutan bernilai RM100.2 ribu dan RM99.2 ribu merupakan kesan tidak langsung kepada aktiviti yang lain yang berkaitan seperti aktiviti Kok & produk petroleum bertapis.

Perbelanjaan dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit pula menjana output sebanyak RM193.9 ribu yang mana nilai ini menjana kesan langsung kepada aktiviti tersebut sebanyak RM182.8 ribu dan RM11.1 ribu merupakan limpahan kepada aktiviti yang lain yang berkaitan.

Aktiviti Makanan dan minuman pula menjana nilai output sebanyak RM135.7 ribu, di mana RM82.4 ribu merupakan kesan langsung yang diterima oleh aktiviti tersebut dan RM53.3 ribu merupakan kesan tidak langsung kepada aktiviti yang lain yang berkaitan.

Aktiviti Kesenian, hiburan dan rekreasi menjana nilai output sebanyak RM127.5 ribu, di mana RM89.9 ribu kesan langsung kepada aktiviti tersebut dan RM37.6 ribu merupakan kesan tidak langsung kepada aktiviti yang lain.

### **Impak kepada Nilai Ditambah**

Nilai ditambah yang dijangka dijana oleh acara ini kepada aktiviti ekonomi daerah Jeli adalah bernilai RM501.6 ribu. Aktiviti Perdagangan borong & runcit menjana nilai ditambah tertinggi dengan nilai RM157.9 ribu. Daripada nilai tersebut, RM154.0 ribu merupakan kesan langsung kepada aktiviti tersebut. Ekoran daripada peningkatan dalam aktiviti ini, memberi kesan limpahan terhadap aktiviti yang lain seperti Telekomunikasi dan Perantaraan kewangan sebanyak RM3.9 ribu.

Aktiviti Penginapan pula menyumbang 23.1 peratus kepada nilai ditambah yang dijana iaitu bernilai RM115.9 ribu yang mana kesan langsung kepada aktiviti itu sendiri, sebanyak RM68.6 ribu. Manakala, RM47.4 ribu merupakan limpahan rantaian ekonomi aktiviti tersebut kepada aktiviti lain yang berkaitan.

Nilai ditambah yang dijana oleh aktiviti Pengangkutan dijangka bernilai RM83.9 ribu yang mana RM25.7 ribu merupakan nilai ditambah yang dijana oleh aktiviti tersebut. Manakala, RM58.2 ribu merupakan nilai ditambah yang dijana oleh aktiviti lain yang berkaitan pengangkutan.


Manakala tarikan aktiviti rekreasi di daerah Jeli telah menjana nilai ditambah aktiviti Kesenian, hiburan dan rekreasi sebanyak RM72.9 ribu, di mana RM53.7 ribu kesan langsung kepada aktiviti Kesenian, hiburan dan rekreasi dan RM19.1 ribu merupakan kesan tidak langsung atau limpahan kepada aktiviti yang lain.

Aktiviti Makanan dan minuman menyumbang 12.6 peratus kepada nilai ditambah dengan nilai RM63.0 ribu daripada nilai tersebut RM31.5 ribu merupakan kesan langsung kepada aktiviti Makanan dan minuman. Di samping itu, kesan limpahan turut diterima oleh aktiviti yang lain seperti aktiviti Minyak & lemak sayuran dan haiwan dengan menjana kesan tidak langsung sebanyak RM31.4 ribu.

## Rujukan Kajian

- [1] Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Jadual Input-Output Malaysia 2019 & 2020
- [2] Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Laporan Sosioekonomi Negeri Kelantan 2021 .
- [3] Kim, Sungsoo and Dombrosky, James (2016) "Economic Impact of Small Scale Event to the Local Economy: Case of Canfield Fair," Journal of Tourism Insights: Vol. 7: Iss. 1, Article 7.
- [4] Warnick, R. B., Bojanic, D. A., & Xu, F. (2012). Economic impact and significance: additional insights for measurement in special events.

## 6. STATISTIK SETEMPAT






## SEPINTAS LALU STATISTIK SOSIOEKONOMI, JELI 2020

### PENDUDUK

Penduduk <sup>1</sup> 51.2 ribu
Kepadatan penduduk 39/km <sup>2</sup>
Luas kawasan 1,326 km <sup>2</sup>
Warganegara 96.9%
Bukan warganegara 3.1%



Nota:

<sup>1</sup>Anggaran Penduduk Semasa berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010  
Data ini akan disemak semula setelah daptaran Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 diperoleh



Penengah  
RM2,943  
Purata  
RM3,872

### PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN, 2019

### KESIHATAN

Sumber:

Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota:

<sup>1</sup>Merujuk kepada hospital kerajaan dan hospital swasta

<sup>2</sup>Merujuk kepada klinik kesihatan (termasuk klinik kesihatan ibu & anak), klinik desa dan klinik komuniti

Data adalah pada 2019



Hospital<sup>1</sup>  
1 buah



Klinik<sup>2</sup>  
15 buah



Sekolah



Guru



Murid

Sekolah rendah

15

551

5,243

Sekolah menengah

6

375

3,214

### PENDIDIKAN

Sumber:

Kementerian Pendidikan Malaysia

Nota:

Merujuk kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan



Balai polis<sup>1</sup>  
4 buah



Balai bomba  
1 buah

### KESELAMATAN

Sumber:

Polis Diraja Malaysia;  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Nota:

<sup>1</sup>Merujuk kepada Ibu Pejabat Polis Daerah, balai polis dan pondok polis



# PENDAPATAN ISI RUMAH DAN KEMUDAHAN ASAS KELANTAN, 2019

2016 2019

## TABURAN ISI RUMAH



ISI RUMAH ('000)

**345.4**

336.3

PURATA SAIZ ISI RUMAH

**4.4 orang**

4.5 orang

PURATA PENERIMA PENDAPATAN

**1.8 orang**

1.7 orang

## PUNCA PENDAPATAN

(%)

PEKERJAAN  
BERGAJI**53.4**  
52.9BEKERJA  
SENDIRI**22.6**  
20.3HARTA &  
PELABURAN**8.1**  
8.9PINDAHAN  
SEMASA DITERIMA**15.9**  
18.0

## KEMISKINAN

KEMISKINAN  
MUTLAK**12.4%**'Dikemaskini berdasarkan metodologi  
Pendapatan Garis Kemiskinan 2019'19.5%<sup>r</sup>PEKALI  
GINI**0.378**

0.389

KEMISKINAN  
RELATIF**9.9%**

12.1%

MULTIDIMENSIONAL  
POVERTY INDEX  
(MPI)**0.0323**

0.0605

## STRATA



KELANTAN



BANDAR



LUAR BANDAR

PENENGAH

**RM3,563**

RM3,079

CAGR: 4.9%

PURATA

**RM4,874**

RM4,214

CAGR: 4.9%

**RM4,019**

RM3,635

CAGR: 3.3%

**RM5,429**

RM4,862

CAGR: 3.7%

**RM3,115**

RM2,635

CAGR: 5.6%

**RM4,264**

RM3,567

CAGR: 5.9%

CAGR - Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (%)

## KUMPULAN ISI RUMAH

AGIHAN  
PENDAPATAN

PENENGAH

PURATA

**B40**Kurang  
daripada  
RM3,03018.0  
peratus**RM2,301**

RM1,869

CAGR: 6.9%

**RM2,194**

RM1,815

CAGR: 6.3%

**M40**RM3,030  
hingga  
RM6,61936.3  
peratus**RM4,242**

RM3,667

CAGR: 4.9%

**RM4,428**

RM3,841

CAGR: 4.7%

**T20**RM6,620  
dan ke atas45.7  
peratus**RM9,500**

RM8,427

CAGR: 4.0%

**RM11,130**

RM9,761

CAGR: 4.4%

## JENIS RUMAH YANG DIDAMI

(%)



KELANTAN



BANDAR



LUAR BANDAR

DIMILIKI

**84.7**

83.9

**81.3**

78.5

**88.5**

89.2

DISEWA

**12.1**

13.3

**15.8**

18.3

**8.0**

8.3

KUARTERS

**3.2**

2.8

**2.9**

3.2

**3.5**

2.5

## CAPAIAN UTILITI AWAM DI RUMAH

(%)



KELANTAN



BANDAR



LUAR BANDAR

BEKALAN  
AIR PAIP**67.9**

65.4

**73.3**

77.3

**61.9**

53.6

\*BEKALAN  
ELEKTRIK**100.0**

100.0

**100.0**

100.0

**100.0**

99.9

KUTIPAN  
SAMPAH**15.4**

12.3

**22.9**

19.0


**7.1**

5.6

\*Bekalan elektrik adalah termasuk 24 jam sehari dan kurang 24 jam sehari



# STATISTIK PENDAPATAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN



## 01 Bachok

Penengah	: RM3,621
Purata	: RM4,728
Insiden kemiskinan	
mutlak	: 13.1%
Pekali Gini	: 0.361

## 02 Kota Bharu

Penengah	: RM4,171
Purata	: RM5,577
Insiden kemiskinan	
mutlak	: 9.1%
Pekali Gini	: 0.381

## 03 Machang

Penengah	: RM3,708
Purata	: RM4,841
Insiden kemiskinan	
mutlak	: 7.1%
Pekali Gini	: 0.352

## 04 Pasir Mas

Penengah	: RM3,341
Purata	: RM4,745
Insiden kemiskinan	
mutlak	: 13.1%
Pekali Gini	: 0.381

## 05 Pasir Puteh

Penengah	: RM3,458
Purata	: RM4,688
Insiden kemiskinan	
mutlak	: 12.7%
Pekali Gini	: 0.386

## 06 Tanah Merah

Penengah	: RM3,166
Purata	: RM4,338
Insiden kemiskinan	
mutlak	: 12.0%
Pekali Gini	: 0.346

## 07 Tumpat

Penengah	: RM3,500
Purata	: RM4,838
Insiden kemiskinan	
mutlak	: 12.5%
Pekali Gini	: 0.374

## 08 Gua Musang

Penengah	: RM2,942
Purata	: RM4,009
Insiden kemiskinan	
mutlak	: 17.2%
Pekali Gini	: 0.367

## 09 Kuala Krai

Penengah	: RM2,896
Purata	: RM3,979
Insiden kemiskinan	
mutlak	: 22.4%
Pekali Gini	: 0.382

## 10 Jeli

Penengah	: RM2,943
Purata	: RM3,872
Insiden Kemiskinan	
Mutlak	: 18.5%
Pekali Gini	: 0.328

## 11 Lojing


Penengah	: RM3,138
Purata	: RM3,002
Insiden Kemiskinan	
Mutlak	: 33.3%
Pekali Gini	: 0.233



# PERBELANJAAN ISI RUMAH 2019

## KELANTAN

Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut Kumpulan Utama, 2019



Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut Daerah Pentadbiran, 2019



<sup>1</sup> CAGR: Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (2016-2019)  
 Nota: Perbelanjaan purata berdasarkan kepada keseluruhan isi rumah

## 7. SOAL SELIDIK KAJIAN

### KAJIAN IMPAK PENGANJURAN JELI STATS NATURE HALF MARATHON KEPADA EKONOMI SETEMPAT

Kaji selidik ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai impak penganjuran Jeli Stats Nature Half Marathon 2022 terhadap ekonomi setempat. Soal selidik ini dijalankan secara rawak melibatkan individu dan juga pengusaha perniagaan.

Maklumat yang diperoleh akan digunakan hanya bagi tujuan kajian ini sahaja. Terima kasih atas kerjasama anda dalam menjayakan kajian ini.

Sekiranya anda menjawab melalui google form, sila scan QR Code

#### PROFIL RESPONDEN



Scan di sini

Q1 Jantina :      1 Lelaki       2 Perempuan

Q2 Tempat tinggal asal (Daerah/Negeri): \_\_\_\_\_

Kegunaan pejabat : Kod Negeri

Q3 Umur : \_\_\_\_\_

Q4 Pekerjaan:

- 1 Swasta
- 2 Kerajaan
- 3 Bekerja Sendiri
- 4 Pelajar
- 5 Suri rumah
- 6 Lain-lain

Q5 Pengangkutan ke Jeli:

- 1 Kenderaan Sendiri
- 2 Bas
- 3 Kapal terbang
- 4 Teksi / e-hailing
- 5 Lain-lain

Q6 Jenis Penginapan :

- 1 Hotel
- 2 Homestay
- 3 Motel/ hotel bajet
- 4 Asrama
- 5 Lain-lain
- 6 Tidak berkenaan

Q7 Bilangan Malam Menginap \_\_\_\_\_

(Sila nyatakan)

Anda adalah :      1 INDIVIDU  (sila jawab Bahagian 1 dan 3)  
 2 PENGUSAHA PERNIAGAAN  (sila jawab Bahagian 2 dan 3)

#### BAHAGIAN 1: PESERTA LARIAN

Q8 Perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak lain.  Ya  Tidak

Sekiranya Ya, sila tandakan yang berkenaan:

<input type="checkbox"/> Kos pengangkutan	<input type="checkbox"/> Penginapan	<input type="checkbox"/> Lain-lain : _____
<input type="checkbox"/> Yuran penyertaan	<input type="checkbox"/> Makan & minum	(Sila nyatakan)

#### A. PERBELANJAAN SEBELUM DAN SEMASA ACARA

Q9 Jenis perbelanjaan	SEBELUM (RM)		SEMASA (RM)	
a. Pengangkutan	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
b. Minyak petrol	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
c. Penginapan	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
d. Makan & minum	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
e. Membeli belah	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
f. Yuran penyertaan	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
g. Hiburan & Rekreasi	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
h. Lain-lain (sila nyatakan)	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>



## KAJIAN IMPAK PENGANJURAN JELI STATS NATURE HALF MARATHON KEPADA EKONOMI SETEMPAT

## BAHAGIAN 2: PENGUSAHAH PERNIAGAAN

## B. JUALAN YANG DIPEROLEH SEBELUM DAN SEMASA PENGANJURAN ACARA

Q10 Jenis perniagaan

- |   |                          |  |                          |
|---|--------------------------|--|--------------------------|
| a. Kedai makan / restoran                 | <input type="checkbox"/> | h. Kedai pakaian/ kasut                    | <input type="checkbox"/> |
| b. Penginapan (hotel/homestay)            | <input type="checkbox"/> | i. Katering                                | <input type="checkbox"/> |
| c. Pengangkutan                           | <input type="checkbox"/> | j. Penjaja                                 | <input type="checkbox"/> |
| d. Stesen minyak                          | <input type="checkbox"/> | k. Hiburan & Rekreasi                      | <input type="checkbox"/> |
| e. Farmasi/ klinik/ perubatan tradisional | <input type="checkbox"/> | l. Perkhidmatan lain (Sila nyatakan) _____ |                          |
| f. Kedai runcit / serbaneka               | <input type="checkbox"/> |  |                          |
| g. Kedai dobi                             | <input type="checkbox"/> |  |                          |

Q11 Jualan yang diperoleh

(RM)

- a. Anggaran purata jualan sehari sebelum acara:  
b. Anggaran purata jualan jualan semasa acara (sehari):

_____
_____

## BAHAGIAN 3: TAHAP KEPUASAN

Q12 Sila tandakan jawapan bersesuaian mengikut skala yang diberi

- a. Adakah anda berpuas hati dengan penganjuran acara ini?  
 Ya       Tidak      Jika tidak, sila nyatakan: \_\_\_\_\_
- b. Adakah penganjuran acara ini memberi impak kepada ekonomi setempat?  
 Ya       Tidak
- c. Adakah acara ini perlu diteruskan pada masa akan datang?  
 Ya       Tidak

Terima kasih di atas kerjasama yang diberikan.